

## **Nature-Based Precepts Through the Lens of Flora and Fauna as a Natural Wisdom Among Jahai Community in Sungai Rual**

Azyantee binti Mohd Zawawi\*

Nordiana binti Ab Jabar\*\*

*azyanzarra@gmail.com\* nordiana.aj@umk.edu.my\*\* (Penulis Koresponden)*

### **Abstract**

*This study examines of nature-based precepts as a form of life regulation among the Jahai Orang Asli community in Sungai Rual, Jeli, Kelantan, with a focus on the utilisation of flora and fauna. The Jahai community maintains a close and enduring relationship with the natural environment, where nature functions not only as a source of livelihood but also as a reference for values, behavioural guidance and cultural formation transmitted across generations. While previous studies have largely focused on socio-economic issues, transformation and linguistic aspects of Orang Asli communities, this study highlights an increasingly marginalised dimension of local wisdom, namely nature-based precepts and taboos rooted in the surrounding environment. The objectives of the study are to identify the forms of petua alamiah practised, to explore the processes of knowledge transmission, and to examine their significance in the daily lives of the Jahai community. Adopting a qualitative ethnographic approach, data were collected through in-depth interviews with seven key informants from the community. The findings reveal that petua alamiah practices are still maintained and continue to function as mechanisms for social regulation, safety, health and environmental sustainability. However, these practices have been adapted in accordance with Islamic principles following changes in religious affiliation among the Jahai community in Sungai Rual. In conclusion, the study demonstrates that nature-based precepts grounded in flora and fauna constitute a significant cultural heritage and contribute to a deeper understanding of human–nature relationships within the context of indigenous communities in Malaysia.*

**Keywords:** *nature-based precepts, way of life, Jahai community, flora, fauna, local wisdom.*

Submitted: 26 December 2024

Reviewed: 26 June 2025

Published: 31 March 2026

---

\* Pensyarah di Kolej Universiti Islam Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730 Kota Bharu Kelantan

\*\* Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Bachok, Kelantan



## Petua Alamiah Menerusi Aspek Flora dan Fauna Sebagai Aturan Hidup dalam Kalangan Masyarakat Jahai di Sungai Rual

Azyantee binti Mohd Zawawi\*

Nordiana binti Ab Jabar\*\*

azyanzarra@gmail.com\* nordiana.aj@umk.edu.my\*\* (Penulis Koresponden)

### Abstrak

Kajian ini meneliti petua alamiah sebagai satu bentuk aturan hidup dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku Jahai di Sungai Rual, Jeli, Kelantan dengan menumpukan kepada pemanfaatan unsur flora dan fauna. Masyarakat Jahai mempunyai hubungan yang sangat erat dengan alam semula jadi, di mana alam bukan sahaja berfungsi sebagai sumber keperluan hidup, malah sebagai rujukan nilai, panduan tingkah laku dan pembentuk budaya yang diwarisi secara turun-temurun. Walaupun kebanyakan kajian terdahulu lebih tertumpu kepada isu sosioekonomi, transformasi dan linguistik masyarakat Orang Asli, kajian ini memfokuskan kepada aspek kearifan tempatan yang semakin terpinggir, khususnya petua alamiah dan pantang larang yang berasaskan alam sekitar. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti bentuk petua alamiah yang diamalkan, menelusuri proses pewarisan pengetahuan tersebut serta menilai kepentingannya dalam kehidupan seharian masyarakat Jahai. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan etnografi melalui temu bual mendalam bersama tujuh orang informan utama dalam komuniti tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan petua alamiah masih dipertahankan dan berfungsi sebagai mekanisme kawalan sosial, keselamatan, kesihatan dan kelestarian alam. Walau bagaimanapun, amalan ini telah disesuaikan dengan lunas ajaran Islam selaras dengan perubahan pegangan agama masyarakat Jahai di Sungai Rual. Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa petua alamiah berasaskan flora dan fauna merupakan warisan budaya yang signifikan serta menyumbang kepada pemahaman lebih mendalam tentang hubungan manusia dan alam dalam konteks masyarakat peribumi di Malaysia.

**Kata kunci:** petua alamiah, aturan hidup, masyarakat Jahai, flora, fauna, kearifan tempatan.

\* Pensyarah di Kolej Universiti Islam Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730 Kota Bharu Kelantan.

\*\* Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Bachok, 16300, Kelantan



## 1.0 Latar Belakang Kajian

Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia merupakan antara kumpulan peribumi yang mempunyai sejarah panjang interaksi dengan alam semula jadi, di mana pengalaman hidup dalam hutan telah membentuk satu sistem pengetahuan tradisional yang kompleks dan berfungsi secara praktikal dalam kehidupan seharian. Pengetahuan ini meliputi penggunaan sumber semula jadi seperti flora dan fauna bukan sahaja untuk pemenuhan keperluan asas seperti makanan dan perubatan, malah sebagai asas pengurusan persekitaran, penentuan masa, serta panduan untuk aktiviti harian (Anuar et al., 2023; Abdullah et al., 2020). Dalam konteks ini, sistem pengetahuan tradisional tersebut selaras dengan konsep *Traditional Ecological Knowledge* (TEK) yang menggambarkan hubungan dinamik antara komuniti peribumi dan ekosistem tempat tinggal mereka, serta memberi asas kepada strategi adaptif untuk kelangsungan hidup (Ahmad et al., 2025).

Pengetahuan tradisional Orang Asli sering diwarisi secara lisan merentas generasi melalui pengalaman berkaitan sumber alam dan aktiviti hidup dalam hutan. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pengetahuan mengenai pokok, herba, haiwan dan fenomena alam diintegrasikan dalam budaya serta tugas harian komuniti, sekaligus memainkan peranan penting dalam pembentukan nilai budaya, adat istiadat dan cara hidup yang lestari (Anuar et al., 2023; Abdullah et al., 2020). Walaupun wacana akademik mengenai masyarakat Orang Asli semakin berkembang, tumpuan utama kajian terdahulu lebih kepada aspek kebudayaan dan sosioekonomi secara umum, tanpa penekanan mendalam terhadap sistem pengetahuan tradisional sebagai satu bentuk *aturan hidup* yang menyeluruh.

Selain itu, perubahan sosial semasa akibat kemajuan teknologi, pendidikan formal dan pemodenan memberi tekanan terhadap kelestarian pengetahuan tradisional tersebut. Dalam kalangan generasi muda, kefahaman terhadap petua alamiah dan penerapan nilai-nilai tradisional semakin pudar, mengakibatkan risiko berlakunya hakisan terhadap kearifan tempatan yang tersirat dalam hubungan manusia–alam (Abdullah et al., 2020). Latar belakang ini menunjukkan bahawa walaupun pengetahuan tradisional masyarakat Orang Asli mempunyai sumbangan praktikal dan budaya yang signifikan, pendokumentasian dan analisisnya masih jauh daripada mencukupi.

Sebagai tambahan, kajian bersepadu yang menghubungkan penggunaan sumber alam dengan fungsi petua alamiah—termasuk aspek pewarisan, simbolisme serta nilai sosial—masih kurang didapati dalam literatur akademik Malaysia. Justeru, terdapat jurang pengetahuan mengenai bagaimana petua alamiah yang berasaskan unsur flora dan fauna membentuk *aturan hidup* masyarakat Orang Asli secara holistik serta bagaimana ia disesuaikan dalam konteks perubahan sosial dan keagamaan masa kini.

Berdasarkan jurang ini, kajian artikel ini dijalankan untuk memberikan fokus khusus terhadap petua alamiah dalam kehidupan masyarakat Orang Asli suku Jahai di Sungai Rual, Jeli, Kelantan. Dengan meneliti petua berasaskan flora dan fauna secara sistematik, kajian ini berupaya menyumbang tidak sahaja kepada dokumentasi pengetahuan tradisional tetapi juga pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan pengetahuan tersebut dalam pembentukan hubungan manusia–alam serta kesinambungan budaya komuniti peribumi di Malaysia.

## 2.0 Sorotan Kajian

Kajian terhadap masyarakat Orang Asli di Malaysia telah berkembang daripada tumpuan awal terhadap aspek sosioekonomi dan struktur sosial kepada penekanan yang lebih mendalam terhadap



pengetahuan tradisional dan hubungan antara manusia dengan alam semula jadi. Dalam kajian awal, penyelidik lebih memberi tumpuan kepada transformasi komuniti Orang Asli, perubahan gaya hidup serta isu pembangunan dan pendidikan (Ismail, 2025). Walaupun kajian-kajian tersebut membantu memahami dinamika sosial komuniti peribumi, ia kurang memberi perhatian kepada aspek pengetahuan ekologi tradisional yang berfungsi sebagai panduan tingkah laku dan sistem nilai dalam kehidupan seharian.

Perhatian terhadap sistem pengetahuan tradisional seperti *Traditional Ecological Knowledge* (TEK) mula meningkat dalam beberapa dekad kebelakangan ini. TEK merujuk kepada pengetahuan kolektif masyarakat peribumi yang berkembang melalui pengalaman berterusan dengan persekitaran semula jadi dan diwarisi secara lisan merentas generasi (Berkes, 2018). Beberapa kajian etnobotani dan etnozooologi dalam konteks Orang Asli menunjukkan bahawa penggunaan flora dan fauna bukan sahaja memenuhi keperluan asas seperti makanan dan perubatan, tetapi juga berfungsi sebagai petunjuk alam yang membantu komuniti membaca perubahan ekosistem (Sulaiman, Ramli, & Abdullah, 2022). Penemuan ini menggariskan bahawa pengetahuan tradisional bukan sekadar amalan ritual tetapi mengandungi elemen praktikal yang menyokong adaptasi komuniti terhadap persekitaran yang berubah.

Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian terdahulu cenderung memfokuskan kepada penggunaan sumber semula jadi secara terpisah tanpa menghubungkannya dengan sistem aturan hidup yang lebih holistik, seperti petua alamiah. Perbincangan tentang petua alamiah—yang merangkumi makna budaya, fungsi sosial, serta pewarisan pengetahuan dalam bentuk lisan—masih kurang diberi penekanan secara menyeluruh (Abdullah et al., 2020). Di samping itu, perubahan sosial akibat pendidikan, pemodenan dan pengaruh agama memberi tekanan ke atas kelangsungan pengetahuan tradisional, yang sering kali tidak dapat ditangkap sepenuhnya melalui kajian kuantitatif atau pendekatan disiplin tunggal.

Dalam konteks ini, jurang kajian wujud dalam pemahaman bagaimana petua alamiah berasaskan flora dan fauna membentuk aturan hidup dalam masyarakat Jahai serta implikasinya terhadap hubungan manusia–alam dalam era perubahan sosio-budaya. Justeru, kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan mengintegrasikan analisis komprehensif terhadap petua alamiah yang dipraktikkan oleh masyarakat Jahai di Sungai Rual, termasuk aspek fungsi, pewarisan dan penyesuaian pengetahuan tradisional dalam konteks kontemporari.

## **2.1 Penyataan Masalah**

Kajian terhadap masyarakat Orang Asli di Malaysia telah berkembang dengan ketara, namun tumpuannya lebih banyak diberikan kepada aspek sosioekonomi, pembangunan komuniti, transformasi budaya serta kebahasaan. Walaupun kajian-kajian tersebut penting dalam memahami kedinamikan perubahan masyarakat peribumi, perhatian terhadap sistem pengetahuan tradisional seperti petua alamiah dan pantang larang yang berfungsi sebagai aturan hidup masih terbatas. Kekurangan kajian empirikal yang mendokumentasikan dan menganalisis petua alamiah berasaskan flora dan fauna menyebabkan khazanah ilmu ini berisiko terpinggir dan dilupakan, khususnya dalam kalangan generasi muda masyarakat Jahai.

Petua alamiah dalam kalangan masyarakat Jahai bukan sekadar kepercayaan lisan, sebaliknya merangkumi satu sistem pengetahuan tempatan yang berfungsi sebagai panduan dalam aspek



perubatan tradisional, keselamatan, pengurusan sumber alam, pembacaan petanda alam serta pembentukan nilai dan etika hidup. Namun demikian, arus globalisasi, kemasukan pendidikan formal, perubahan gaya hidup serta penyesuaian terhadap ajaran Islam telah membawa kepada perubahan dalam bentuk dan pengamalan petua alamiah tersebut. Keadaan ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana petua alamiah masih dipertahankan, bagaimana ia diwarisi dan apakah peranannya dalam kehidupan seharian masyarakat Jahai masa kini.

Berdasarkan permasalahan tersebut, kajian ini dijalankan untuk mengisi jurang pengetahuan dengan meneliti petua alamiah sebagai aturan hidup dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku Jahai di Sungai Rual. Kajian ini dirangka dengan objektif yang jelas dan selari dengan permasalahan kajian, iaitu:

1. Mengetahui dan mendokumentasikan bentuk-bentuk petua alamiah berasaskan flora dan fauna yang masih diamalkan oleh masyarakat Jahai di Sungai Rual.
2. Menelusuri proses pewarisan petua alamiah daripada satu generasi kepada generasi seterusnya dalam kalangan masyarakat Jahai.
3. Menganalisis peranan dan kepentingan petua alamiah sebagai aturan hidup dalam aspek kesihatan, keselamatan, keseimbangan ekologi dan pembentukan nilai budaya, selaras dengan konteks perubahan agama dan sosial semasa.

Penyelarasan ini memastikan bahawa kajian dijalankan secara berfokus dan sistematik, serta menyumbang secara langsung kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang sistem pengetahuan tradisional masyarakat Jahai dalam konteks perubahan dan kesinambungan budaya.

### **3.0 Metodologi Kajian**

#### **3.1 Pendekatan Etnografi**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan etnografi bagi meneliti petua alamiah sebagai aturan hidup dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku Jahai di Sungai Rual, Jeli, Kelantan. Pendekatan etnografi dipilih kerana kajian ini berusaha memahami fenomena budaya daripada perspektif komuniti yang dikaji, khususnya sistem pengetahuan tradisional yang diwarisi secara lisan dan diamalkan dalam konteks kehidupan seharian. Pendekatan ini membolehkan pengkaji menelusuri makna, nilai dan kefungsi petua alamiah dalam konteks budaya dan ekologi masyarakat Jahai secara mendalam dan holistik.

#### **3.2 Informan Kajian**

Informan kajian terdiri daripada tujuh orang ahli komuniti Jahai di Sungai Rual yang dipilih berdasarkan kriteria tertentu bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan data. Informan merangkumi pemimpin komuniti (Penghulu), warga emas, pengamal perubatan tradisional serta individu yang berpengalaman luas dalam amalan petua alamiah berkaitan flora dan fauna. Penglibatan Penghulu sebagai informan utama adalah penting kerana beliau berperanan sebagai penjaga adat dan rujukan utama dalam hal ehwal budaya serta sistem kepercayaan komuniti. Selain itu, warga emas dan individu



berpengalaman dipilih kerana mereka memiliki pengetahuan mendalam tentang petua alamiah yang diwarisi daripada generasi terdahulu.

Pemilihan informan dibuat dengan mengambil kira aspek jantina, umur dan pengalaman hidup bagi mendapatkan variasi perspektif terhadap amalan petua alamiah. Kesemua informan merupakan penduduk tetap Sungai Rual dan terlibat secara langsung dalam aktiviti harian yang berasaskan alam sekitar seperti perburuan, pengumpulan hasil hutan, perubatan tradisional dan pengamatan terhadap petanda alam. Tempoh kajian yang panjang, iaitu kira-kira setahun, membolehkan pengkaji membina hubungan kepercayaan dengan informan serta memperoleh data yang lebih mendalam dan autentik.

### 3.3 Teknik Pensampelan

Kajian ini menggunakan teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang lazim digunakan dalam penyelidikan kualitatif dan etnografi. Teknik ini membolehkan pengkaji memilih informan yang benar-benar relevan dan mempunyai pengetahuan khusus tentang fenomena yang dikaji, iaitu petua alamiah berasaskan flora dan fauna. Pemilihan informan tidak dibuat secara rawak, sebaliknya berdasarkan keupayaan mereka memberikan maklumat yang kaya, bermakna dan berautoriti tentang amalan petua alamiah dalam masyarakat Jahai.

### 3.4 Teknik pengumpulan data

Data kajian dikumpulkan melalui temu bual mendalam separa berstruktur yang dijalankan secara bersemuka. Temu bual ini memberi ruang kepada informan untuk berkongsi pengalaman, kepercayaan dan pengetahuan mereka secara bebas, sambil pengkaji mengekalkan fokus kajian melalui soalan panduan. Selain temu bual, pemerhatian turut dilakukan bagi merekodkan amalan, tingkah laku dan interaksi masyarakat Jahai dengan alam sekitar, khususnya dalam konteks penggunaan flora dan fauna sebagai petua alamiah. Catatan lapangan dan dokumentasi visual turut dijadikan data sokongan bagi memperkukuh dapatan kajian.

Analisis data dilakukan secara analisis tematik dengan berpandukan prinsip analisis kualitatif interpretatif. Data temu bual ditranskripsikan sepenuhnya sebelum melalui proses pengekodan terbuka bagi mengenal pasti unit-unit makna yang berkaitan dengan petua alamiah, pewarisan pengetahuan, fungsi sosial dan hubungan manusia-alam. Kod-kod ini kemudiannya dikelompokkan kepada tema-tema utama seperti petua alamiah berasaskan flora, petua alamiah berasaskan fauna, fungsi perubatan, keselamatan, petanda alam dan penyesuaian amalan tradisional dengan ajaran Islam.

Bagi memastikan ketekalan dan kebolehpercayaan analisis, triangulasi data dilakukan dengan membandingkan maklumat daripada temu bual, pemerhatian dan sumber dokumentasi. Dapatan kajian seterusnya dianalisis secara kritikal dengan menghubungkannya kepada kerangka Teori Ekologi Budaya bagi menjelaskan bagaimana sistem pengetahuan tradisional masyarakat Jahai terbentuk melalui interaksi berterusan dengan alam sekitar. Pendekatan analisis ini membolehkan pengkaji menafsir data bukan sahaja secara deskriptif, tetapi juga secara analitikal dalam memahami makna budaya, fungsi sosial dan implikasi ekologi petua alamiah dalam kehidupan masyarakat Jahai di Sungai Rual.



## 4.0 Analisis Dan Perbincangan

### 4.1 Petua Alamiah dalam Perubatan Menggunakan Aspek Flora

Flora atau tumbuh-tumbuhan memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan sehari-harian masyarakat Jahai di Sungai Rual. Petua alamiah menggunakan unsur flora dalam masyarakat di sana melibatkan aspek pengetahuan tentang flora tempatan dan bagaimana flora tersebut dapat memberikan manfaat dalam kehidupan mereka. Menggunakan teori ekologi budaya, pengkaji akan melihat sejauh mana sumber flora yang terdapat di sekeliling mereka membentuk hubungan yang erat dan kadar kebergantungan masyarakat di sana terhadap sumber daya alam semula jadi. Berdasarkan teori ekologi budaya merujuk kepada petua alamiah menggunakan unsur flora tempatan dan bagaimana unsur flora tersebut dapat memberikan manfaat dalam kehidupan sehari-harian. Masyarakat Orang Asli Jahai di Sungai Rual juga terkenal dengan aspek perubatan tradisional yang menggunakan tumbuhan hutan dan herba. Terdapat sekurang-kurangnya lebih 300 jenis tumbuhan herba yang diketahui dan kebanyakannya digunakan oleh masyarakat Orang Asli suku Jahai di Kampung Sungai Rual dalam aspek perubatan tradisional.

Situasi ini menjelaskan tentang kebergantungan masyarakat Jahai terhadap aspek ekologi yang terdapat di sekeliling mereka. Masyarakat di sana yang kaya tentang tumbuhan ubatan tradisional dan mereka menggunakan tumbuhan ini untuk merawat pelbagai jenis penyakit dan masalah kesihatan. Mereka memiliki kemahiran dalam mengklasifikasi dan mengenal pasti, mengumpul dan cara menggunakan tumbuhan ubatan yang sesuai dengan keperluan. Tumbuhan liar yang terdapat di sekitar mereka juga turut dijadikan sebagai sumber makanan tambahan. Kebergantungan mereka terhadap elemen alam semula jadi inilah yang telah membentuk keunikan aspek petua alamiah dalam pemilihan flora dalam kalangan masyarakat Jahai di sana seterusnya meneruskan kelangsungan hidup. Sistem ekologi yang wujud di sekeliling mereka telah membina dan menjadi asas aspek kebudayaan mereka.

Ilmu perubatan dalam masyarakat Orang Asli adalah bergantung kepada sumber-sumber yang diperolehi daripada hutan dan alam semula jadi. Misalnya daun-daun kayu, akar-akar kayu, dan sebagainya. Secara umumnya, dalam kalangan masyarakat Orang Asli tradisi, Tok Halak memainkan peranan besar dan penting untuk menyembuhkan pelbagai jenis penyakit. Pada kebiasaannya, Tok Halak bukan hanya pandai mengubati pesakit dengan ramuan yang diperolehi daripada hutan, tetapi memiliki ilmu kebatinan (Yin, 2000). Penggunaan tumbuhan herba ini bukan hanya bagi kegunaan masyarakat setempat sahaja, tetapi juga turut menjadi sumber rezeki bagi mereka dalam meneruskan kelangsungan hidup. melalui pengetahuan tradisional mereka tentang tumbuhan tempatan, masyarakat Jahai dapat memanfaatkan sumber daya alam semula jadi secara bijak dan berkesan. Perkara ini juga menunjukkan bagaimanapun aspek kebudayaan mereka terintegrasi menerusi alam dan bagaimanapun petua alamiah dengan menggunakan unsur flora membantu mereka beradaptasi dengan persekitaran yang mereka diami.





**Rajah 1** : Herba akar cawat

(Sumber: Azyantee Mohd Zawawi, 2021)

Seterusnya, tumbuhan herba yang terkenal dalam kalangan masyarakat Jahai di Sungai Rual ialah akar cawat. Dalam kalangan masyarakat Jahai, herba akar cawat sangat terkenal dan mempunyai manfaat untuk menghilangkan sakit pinggang. Akar cawat menyerupai rotan dengan bentuknya yang panjang tetapi lebih halus. Warna herba akar cawat tersebut adalah hitam. Masyarakat orang Asli suku Jahai akan menyulam atau menjalin akar cawat tersebut seperti jalinan rambut agar ia lebih kukuh dan mudah untuk dipakai. Manakala cara penggunaan herba akar cawat tersebut adalah dengan mengikat jalinan akar cawat tersebut di pinggang berhampiran tempat yang sakit. Mereka percaya, dengan penggunaan yang kerap akan menghilangkan kesakitan yang dialami.

“Ini nama dia akar cawat. Cara nak guna, kita ikat akar cawat ni di pinggang, kalau kita sakit pinggang. Akar cawat ni belum ramai yang tahu, tapi ada juga orang yang dah tahu manfaat dia minta nak beli. Biasanya kita guna untuk hilangkan sakit pingganglah.”

(Informan 1, 2021)

Masyarakat Jahai di sana menggunakan akar cawat untuk perubatan tradisional seperti mengurangkan sakit sendi, kebengkakan dan sakit pinggang. Menurut informan yang ditemui juga, permintaan terhadap herba akar cawat dari masyarakat luar dan masyarakat setempat juga adalah tinggi. Hal yang demikian adalah kerana, manfaat yang terdapat pada herba akar cawat telah mula diperkenalkan kepada masyarakat luar. Namun begitu, masyarakat di sana menjual herba-herba tersebut dengan harga yang sangat berpatutan. Dalam masa yang sama, penjualan herba-herba ini menjadi salah satu sumber ekonomi masyarakat di sana. Penggunaan unsur flora atau tumbuhan-tumbuhan herba dalam kalangan masyarakat Jahai di Sungai Rual mencerminkan hubungan yang erat antara manusia dan alam sekitar di sekeliling mereka. Pengetahuan mereka tentang tumbuhan tempatan dan cara-cara penggunaan secara betul dalam aspek perubatan melambangkan dan mencerminkan tentang kearifan tradisi yang mereka punyai dari generasi ke generasi.





**Rajah 2** : Herba urat batu/kalang hulu

(Sumber: Azyantee Mohd Zawawi, 2021)

Seterusnya ialah penggunaan tumbuhan herba yang dikenali sebagai urat batu juga amat terkenal dalam kalangan masyarakat Jahai di Sungai Rual. Penggunaan herba urat batu dalam merujuk konteks teori ekologi budaya memberi gambaran tentang cara hidup masyarakat Jahai yang sangat bergantung kepad sumber alam semula jadi. Penggunaan tumbuhan herba ini dilihat menerusi pelbagai aspek termasuklah hubungan antara manusia dan alam sekitar, serta pengetahuan warisan dan adaptasi manusia kepada faktor persekitaran. Penggunaan urat batu dalam perubatan tradisional merupakan sebahagian daripada pengetahuan warisan kebudayaan yang diwarisi dari nenek moyang mereka. Penggunaan tumbuhan herba ini juga mencerminkan hubungan erat antara masyarakat Jahai di sana dengan alam sekitar. Menurut informan yang ditemui, mereka memperoleh pengetahuan tentang tumbuhan ini adalah melalui perkongsian generasi terdahulu. Di bawah merupakan hasil temu bual bersama informan:

“Urat batu ni tak ramai orang luar yang tahu kegunaan dia. Kami belajar untuk kenal herba-herba ni melalui pemerhatian dan ajaran generasi dulu-dulu. Kita rapat dengan alam. Cara nak guna urat batu ni, kita bakar sampai jadi arang, kemudian kita hancurkan bahagain arang sampai jadi debu dan campurkan dengan air putih. Sapu pada bahagian yang sakit. Biasanya kita guna untuk hilangkan sakit pinggang.”

(Informan 2, 2021)

Mereka memperoleh segala ilmu pengetahuan tentang isi alam semula jadi menerusi pemerhatian dan penaakulan terhadap alam semula jadi di samping mempelajari kegunaan, sifat dan kesan sifat-sifatnya dari generasi terdahulu. Amalan turun-temurun ini menunjukkan interaksi yang berlaku antara alam semula jadi dengan manusia. Pengetahuan mereka tentang manfaat daripada herba urat batu merupakan sebahagian daripada warisan budaya dan masyarakat Jahai mengandalkan pengetahuan tradisional mereka dalam menyelesaikan masalah kesihatan walaupun telah ada perubatan moden. Mereka memanfaatkan dengan baik sumber daya alam semula jadi dalam memenuhi keperluan hidup. Hal ini merangkumi cara pengumpulan, penyediaan dan penggunaan herba ini bagi tujuan perubatan. Bentuk fizikalnya juga adalah menyerupai batu dan berwarna seakan-akan batu.



Menurut informan yang ditemui, penggunaan herba urat batu masih belum tersebar dan tular secara meluas pada masyarakat luar, namun penggunaannya terkenal dalam kalangan masyarakat setempat dan sekitar perkampungan Orang Asli di Sungai Rual, Jeli. Masyarakat Jahai di Sungai Rual sangat percaya dan yakin akan keberkesanan herba urat batu atau juga dipanggil kalang hulu dalam mengubati sakit pinggang.

Penggunaan herba urat batu atau kalang hulu ini menggambarkan kompleksiti interaksi antara masyarakat Jahai dengan alam sekitar. Penggunaan tumbuhan herba ini memperjelaskan dan memberi pencerahan tentang bagaimana budaya atau cara hidup masyarakat Jahai dan alam semula jadi saling berhubungan dan segala unsur yang terdapat dalam alam sekeliling mereka memberikan makna yang mendalam kepada mereka dalam meneruskan kelangsungan hidup. Justeru, kajian berdasarkan komponen ekologi dan budaya telah menyatukan antara masyarakat Jahai dengan ekologi yang ada, dan pada waktu yang sama berjaya memelihara kesinambungan kebudayaan dan identiti masyarakat Jahai di Sungai Rual.



**Rajah 3:** Cendawan susu harimau

(Sumber: Azyantee Mohd Zawawi, 2021)

Tumbuhan herba seterusnya yang terkenal dalam kalangan masyarakat Jahai di Sungai Rual ialah cendawan susu harimau. Menurut masyarakat di sana, cendawan susu harimau mempunyai banyak manfaat dan kegunaan dan sangat sukar untuk diperolehi. Pemanfaatan tumbuhan ini dalam petua alamiah masyarakat jahai memberikan gambaran menarik tentang hubungan budaya dan ekologi yang terbentuk dalam kehidupan mereka. Cendawan susu harimau merupakan sejenis cendawan yang sangat sukar ditemui. Hal yang demikian adalah kerana, cendawan ini tidak tumbuh secara melata, tetapi hanya tumbuh satu sahaja di satu-satu tempat tertentu. Memetik maklumat yang diberikan oleh informan di bawah:



“Cendawan susu harimau ni susah nak jumpa. Kalau dapat jumpa tu, memang rezeki tuhan nak bagi. Cendawan ni dia hanya tumbuh satu saja. Dia tak tumbuh banyak-banyak macam cendawan lain. Cendawan ni, banyak khasiat dia, untuk usaha nak dapat anak. Nak jarak-jarak anak.”

(Informan 3, 2021)

Menurut informan yang ditemu bual di Kampung Sungai Rual, cendawan susu harimau ini dipercayai tumbuh apabila susu harimau yang baru melahirkan anak jatuh ke tanah sewaktu sedang menyusukan anak harimau. Maka cendawan susu harimau tersebut akan tumbuh ditempat susu tersebut jatuh. Pengetahuan tradisional mereka tentang cendawan susu harimau termasuklah tempat tumbuhnya, sifat-sifat dan nutrisi menunjukkan kesinambungan budaya dan ekologi yang diamalkan menerusi petua alamiah sejak turun-temurun. Pengetahuan tradisional ini telah dipelajari dan dipelihara dari generasi ke generasi yang menunjukkan kesinambungan budaya dan warisan pengetahuan dalam masyarakat Jahai di Sungai Rual. Cendawan susu harimau diketahui mempunyai pelbagai manfaat dalam aspek perubatan antaranya digunakan untuk merancang kehamilan atau fungsinya adalah seperti pil perancang bagi kaum wanita. Memetik pendapat Cooke (1879) cendawan susu harimau atau nama saintifiknya ialah *Lignosus rhinocerotis* yang tumbuh di atas dahan dan ranting kayu atau dari kayu yang terbenam di dalam tanah.

Cara penggunaan cendawan susu harimau dalam pemanfaatan untuk keperluan perubatan adalah dengan menghiris cendawan tersebut nipis-nipis dan kemudiannya direbus dengan air. Air rebusan cendawan tersebut diminum untuk tujuan perubatan seperti menghilangkan gatal-gatal pada kulit, demam, asma, sakit perut, untuk mendapatkan zuriat dan juga tujuan untuk merancang kehamilan. Masyarakat Jahai di sana memiliki keakraban dengan alam semula jadi dan memiliki komitmen yang tinggi terhadap kelestarian sumber daya yang ada di sana. Kajian beliau juga menerangkan tentang amalan kepercayaan dan sistem yang menjadi amalan masyarakat Orang Asli terhadap penggunaan cendawan susu harimau dalam aspek kebudayaan dan kepercayaan. Menurut Chang & Lee (2006), dalam kalangan masyarakat Orang Asli pula, cendawan tersebut turut dijadikan sebagai tonik atau bahan tambah tenaga (*energy boost*) apabila mereka masuk ke hutan. Terdapat juga masyarakat kampung di Cameron Highlands, pahang menggunakan cendawan tersebut untuk menyembuhkan luka.

Analisis data kajian mendapati bahawa petua alamiah berasaskan flora memainkan peranan yang signifikan dalam sistem perubatan tradisional masyarakat Orang Asli suku Jahai di Sungai Rual. Penggunaan tumbuh-tumbuhan sebagai medium rawatan bukan sekadar bersifat empirikal, malah mencerminkan satu sistem pengetahuan tempatan yang terbina melalui pemerhatian jangka panjang terhadap alam sekitar. Pengetahuan ini diwarisi secara lisan dan diaplikasikan secara praktikal dalam menangani penyakit ringan, gangguan kesihatan harian serta sebagai langkah pencegahan sebelum mendapatkan rawatan moden.

Penggunaan flora dalam perubatan tradisional Jahai memperlihatkan pemahaman mendalam terhadap sifat dan fungsi tumbuhan tertentu. Tumbuhan hutan dikenal pasti bukan sahaja berdasarkan bentuk fizikalnya, tetapi juga melalui habitat, bau, rasa dan kesan fisiologi terhadap tubuh manusia. Petua alamiah ini biasanya melibatkan penggunaan daun, akar, kulit kayu atau getah yang diproses secara minimum seperti direbus, ditumbuk atau direndam. Amalan sedemikian menunjukkan bahawa



perubatan tradisional Jahai berasaskan flora bersifat lestari dan tidak merosakkan ekosistem, selaras dengan prinsip keseimbangan alam yang dipegang oleh masyarakat tersebut.

Dari sudut analitikal, petua perubatan berasaskan flora berfungsi sebagai mekanisme adaptif masyarakat Jahai dalam menghadapi keterbatasan akses kepada kemudahan perubatan moden, khususnya di kawasan pedalaman. Kebergantungan kepada tumbuhan hutan sebagai sumber rawatan membuktikan keupayaan komuniti ini membina sistem kesihatan sendiri yang bersesuaian dengan persekitaran mereka. Dapatan ini sejajar dengan konsep *Traditional Ecological Knowledge* (TEK) yang menekankan bahawa pengetahuan perubumi terbentuk melalui hubungan berterusan antara manusia dan alam serta diuji melalui pengalaman kolektif merentas generasi (Berkes, 2018).

Selain aspek fungsi perubatan, petua alamiah berasaskan flora turut mengandungi dimensi simbolik dan etika. Pengambilan tumbuhan untuk tujuan perubatan sering kali disertai dengan larangan tertentu seperti tidak mengambil tumbuhan secara berlebihan, memilih waktu tertentu, serta menjaga adab terhadap alam. Nilai ini berfungsi sebagai kawalan sosial tidak bertulis yang menggalakkan penggunaan sumber secara berhemah dan bertanggungjawab. Dalam konteks ini, petua alamiah bukan sahaja merawat penyakit fizikal, malah memupuk kesedaran ekologi dan tanggungjawab moral terhadap alam sekitar.

Kajian ini juga mendapati bahawa amalan perubatan tradisional berasaskan flora telah melalui proses penyesuaian selari dengan perubahan pegangan agama masyarakat Jahai. Elemen kepercayaan lama yang bercanggah dengan ajaran Islam semakin ditinggalkan, manakala penggunaan tumbuhan sebagai ikhtiar rawatan masih dikekalkan sebagai amalan yang tidak bercanggah dengan prinsip agama. Penyesuaian ini mencerminkan keanjalan budaya masyarakat Jahai dalam mengekalkan pengetahuan tradisional sambil menyelaraskannya dengan sistem nilai baharu. Fenomena ini selari dengan dapatan kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa perubatan tradisional dalam kalangan masyarakat peribumi sering mengalami proses transformasi tanpa menghilangkan teras pengetahuan asalnya (Ismail, 2025).

Dari perspektif perbincangan ilmiah, petua alamiah dalam perubatan berasaskan flora wajar difahami sebagai satu bentuk pengetahuan saintifik tempatan yang berpotensi menyumbang kepada bidang etnobotani dan kesihatan awam. Beberapa kajian kontemporari menunjukkan bahawa tumbuhan yang digunakan secara tradisional oleh masyarakat peribumi mempunyai potensi farmakologi yang boleh dikaji secara saintifik untuk pembangunan ubat-ubatan moden (Sulaiman et al., 2022). Oleh itu, pendokumentasian dan analisis sistematik terhadap petua alamiah masyarakat Jahai bukan sahaja penting untuk pemeliharaan warisan budaya, malah membuka ruang kepada integrasi pengetahuan tradisional dalam penyelidikan kesihatan dan pembangunan lestari.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menegaskan bahawa petua alamiah berasaskan flora merupakan komponen penting dalam sistem perubatan tradisional masyarakat Jahai yang bersifat holistik, lestari dan berteraskan hubungan harmoni dengan alam. Pengetahuan ini tidak wajar ditanggapi sebagai amalan lapuk, sebaliknya perlu dihargai sebagai sumber ilmu yang relevan dan berpotensi untuk dimanfaatkan dalam konteks kesihatan dan pemeliharaan biodiversiti pada masa kini.

#### **4.2 Petua Alamiah Menerusi Fauna**

Dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku Jahai di Sungai Rual, terdapat juga petua alamiah yang mereka amalkan adalah menerusi unsur fauna yang berada disekeliling mereka. Antara fauna yang



menjadi petua alamiah bagi mereka ialah biawak. Bagi masyarakat Jahai di Sungai Rual, biawak merupakan fauna yang dianggap jahat dan membawa petanda buruk dalam kehidupan mereka sekiranya mereka ternampak atau terserempak dengan fauna tersebut. Malah biawak juga merupakan binatang yang haram diburu atau dimakan oleh mereka. bagi masyarakat di sana, biawak membawa nasib buruk atau mempunyai konotasi buruk. Dalam bahasa Jahai, biawak dikenali sebagai *bagen*.

Menurut informan yang ditemui, sekiranya terdapat biawak melintas di hadapan, mereka dilarang melihat ke arah binatang tersebut dan mereka tidak akan meneruskan perjalanan mereka. Apabila mereka bertembung atau terjumpa biawak, mereka menganggap bahawa itu merupakan peringatan atau isyarat daripada alam semula jadi. Hal yang demikian menjadikan mereka lebih berwaspada dalam menjalankan kegiatan harian mereka. Bagi masyarakat Jahai di Sungai Rual, biawak menandakan kehadiran sesuatu yang kotor atau negatif dan mereka mengambil iktibar dari cerita-cerita dan kepercayaan mitologi yang disampaikan dari generasi bergenerasi. Justeru, pengkaji menganalisis bagaimana mitos atau cerita rakyat tentang biawak mempengaruhi persepsi dan tingkah laku masyarakat terhadap haiwan tersebut dan seterusnya dijadikan sebagai petua alamiah dalam masyarakat Jahai di sana. Menurut informan yang ditemui, sifat yang ada pada biawak seperti tabiat pemakanan seperti memakan bangkai, memakan ternakan mereka seperti ayam dan sifatnya yang ganas menjadikan biawak antara fauna yang tidak disukai. Memetik temu bual informan di bawah:

“Biawak di sini dianggap haiwan yang kotor dan tak boleh makan. Sifat yang ada pada biawak contohnya ganas, makan benda kotor. Kalau kita bertembung dengan biawak, kita percaya akan berlaku benda buruk.”

(Informan 4, 2021)

Justeru, melihat kepada aspek keselamatan dan kesejahteraan, kehadiran biawak atau pertembungan antara ahli masyarakat dengan biawak membawa potensi ancaman kepada tahap keselamatan mereka dan ternakan mereka. Aspek inilah antara salah satu faktor wujudnya amalan petua alamiah dan menjadi langkah keselamatan bagi masyarakat Jahai di sana apabila hendak melakukan sesuatu pekerjaan. Melihat kepada konteks hubungan antara manusia dan fauna pula, masyarakat Jahai di Sungai Rual percaya kepada konteks kepercayaan budaya yang menjadi amalan sejak turun-temurun dan dipraktikkan. Malah, mereka membentuk satu persepsi tersendiri terhadap kehadiran fauna tersebut sebagai satu ancaman sama ada kepada individu, keluarga atau alam sekeliling mereka.

Biawak memiliki sifat dan tabiat ganas dan mengancam haiwan ternakan manusia. Malah, biawak juga mempunyai tabiat makan yang buruk dengan memakan makanan yang kotor dan jijik seperti bangkai dan perkara tersebut menjadikan biawak juga fauna yang sangat tidak sesuai dijadikan sebagai binatang peliharaan. Fauna ini dilihat lebih membawa kepada keburukan daripada kebaikan kepada kita. Menurut Omar (2014) dalam melihat kebitaraan agama dan sudut saintifik pemikiran masyarakat Melayu dalam menjana petua dan pantang larang, sekiranya didapati biawak melintas sewaktu perjalanan seseorang individu, maka individu tersebut harus bersedia untuk menerima sebarang akibat dan petua alamiah ini memiliki persamaan dengan apa yang menjadi amalan dalam masyarakat Jahai di Sungai Rual.

Informan yang ditemui juga menyatakan bahawa, masyarakat di sana akan sedaya upaya mengelakkan pertembungan langsung dengan fauna tersebut. Menurut informan yang ditemui juga, terdapat jampi yang akan mereka bacakan bagi mengelakkan mereka ditimpa nasib buruk apabila mereka bertembung



dengan biawak yang menjadi petua alamiah dalam amalan kepercayaan mereka. Mereka perlulah berpatah balik dan perjalanan tidak boleh diteruskan. Petua alamiah ini telah diperturunkan oleh nenek moyang mereka demi menjaga seluruh ahli masyarakat daripada ditimpa perkara buruk apabila hendak memulakan perjalanan atau melakukan aktiviti. Jampi yang dibacakan ialah seperti yang dinyatakan di bawah;

“Awak balik, saya pusing baik, tapi jangan lintas hujung jalan saya”.

(Informan 5, 2021)

Oleh yang demikian, masyarakat Jahai di Sungai Rual sebolehnya tidak mahu dan tidak akan bertembung dengan binatang tersebut. Kebergantungan masyarakat Jahai kepada alam semula jadi iaitu unsur fauna telah membina cara hidup dan budaya mereka yang unik dan tersendiri. Pematuhan terhadap petua alamiah ini membentuk satu identiti sosial dan budaya masyarakat Jahai di sana. Sistem ekologi yang wujud dipersekitaran mereka bukan hanya menjadi sumber makanan, ekonomi dan perubatan sahaja, tetapi juga menjadi asas sosial dan budaya dalam membentuk peraturan dan undang-undang tidak bertulis bagi mereka. Pematuhan ini seterusnya disebarkan dalam komuniti dan diperturunkan dari generasi ke generasi.

Petua alamiah ini seperti ini seringkali wujud atau berakar dari kepercayaan tradisi dan mitos yang melingkungi hubungan manusia dengan alam sekitar. Walaupun tidak nampak logik dari sudut pandangan sains moden, harus difahami pentingnya pematuhan ini dalam usaha memelihara identiti budaya dan perkaitan yang berlaku antara manusia dengan unsur-unsur alam semula jadi yang lain. Seterusnya, bagi masyarakat Orang Asli Jahai di Sungai Rual, mereka amat takut kepada kala jengking. Kala jengking memiliki bisa yang boleh mencederakan manusia apabila digigit oleh haiwan tersebut. Pada pendapat masyarakat Jahai di Sungai Rual, apabila terjumpa fauna tersebut, sebaiknya mereka membiarkan fauna tersebut daripada mengambil risiko disengat oleh fauna tersebut.

Manakala petua alamiah yang seterusnya dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku Jahai di Sungai Rual ialah apabila mereka mendengar bunyi burung pungguk. Dalam kepercayaan masyarakat Jahai di sana, burung hantu mempunyai peranan dan makna yang penting dalam kehidupan mereka. Menurut kepercayaan petua alamiah masyarakat di sana, sekiranya terdapat bunyi sahutan burung pungguk atau nama lainnya burung hantu menandakan bahawa akan berlakunya kematian atau telah berlakunya kematian dalam kalangan masyarakat Jahai. Bunyi burung hantu tersebut seolah-olah menyampaikan berita tentang kematian seseorang dalam masyarakat Jahai.

Bunyi sahutan burung pungguk dipercayai menjadi petunjuk mengenai peristiwa akan datang atau masa depan. Burung hantu dianggap sebagai pembawa petanda tentang perkara yang akan berlaku pada masa terdekat iaitu akan berlaku kematian sama ada dalam keluarga terdekat atau dalam anggota masyarakat. Bunyi yang dihasilkan oleh burung hantu dianggap sebagai isyarat yang mempunyai makna tertentu bagi masyarakat Jahai di sana. Justeru, masyarakat Jahai di Sungai Rual akan merenung tanda-tanda yang diberikan menerusi bunyi burung hantu dan mereka akan bertindak sesuai dengan petunjuk tersebut. Memetik hasil temu bual bersama informan seperti yang dinyatakan di bawah:



“Kalau ada bunyi burung hantu, maksudnya akan ada orang yang akan meninggal atau sudah meninggal. Burung hantu sebagai tanda atau berfungsi untuk menyampaikan berita yang tidak elok.”

(Informan 6, 2021)

Bunyi burung pungguk tersebut seolah-olah memberi amaran kepada seluruh ahli masyarakat tentang kematian yang bakal berlaku atau telah berlaku. Sehingga kini, komuniti Jahai di Sungai Rual masih percaya akan petua alamiah yang dibawa oleh burung pungguk ini. Demikian pula menurut Yusoff & Rahman (2003), sekiranya kedengaran sahutan suara burung hantu atau burung gagak di waktu malam, ia merupakan petanda buruk atau akan ada orang yang akan meninggal. Menurut kajian yang dijalankan oleh Zawawi (2013) tentang pantang larang suku kaum Mah Meri, dalam kepercayaan suku Mah Meri pula, sekiranya terdapat bunyi burung gagak sama ada sewaktu atau selepas upacara pengebumian, mereka percaya bahawa akan ada ahli masyarakat atau ahli keluarga terdekat mereka akan meninggal dunia.

Namun begitu, kehadiran atau sahutan bunyi burung hantu juga merupakan satu penghormatan terhadap alam semula jadi. Secara lebih meluas, kehadiran burung hantu dalam kehidupan seharian masyarakat Jahai juga boleh dianggap sebagai sebahagian daripada ekosistem alam semula jadi yang perlu dihormati dan terjaga serta perlu dipelihara. Burung hantu yang juga merupakan spesis fauna yang semakin pupus dan perlu dipelihara. Menerusi tindakan masyarakat di sana yang menghormati kehadiran burung hantu kerana membawa fungsi penting dalam petua alamiah menjadikan ekologi ini perlu dilindungi daripada tindakan yang boleh merosakkan dan membawa kepada kepupusan fauna tersebut. Oleh itu, petua alamiah menerusi burung hantu dalam amalan kepercayaan masyarakat Jahai di Sungai Rual mencerminkan perhubungan kompleks di antara manusia, haiwan dan alam semula jadi. Serta bagaimana kepercayaan tradisi ini membantu masyarakat di sana beradaptasi dengan persekitaran alam yang mereka diami.

Petua alamiah yang seterusnya dalam kalangan masyarakat Jahai di Sungai Rual ialah menerusi labah-labah. Dalam amalan kepercayaan masyarakat Jahai, labah-labah memainkan peranan penting dan turut memiliki makna yang mendalam. Petua alamiah menerusi labah-labah ini memberikan petunjuk dan membantu mereka dalam kehidupan sehari-hari. Masyarakat Jahai misalnya memerhatikan tingkah laku labah-labah yang menjadi petunjuk kepada perubahan cuaca. Contohnya, labah-labah membuat sarang di tempat-tempat tertentu sebelum berlakunya hujan lebat. Hal ini dibuktikan dengan pengalaman informan yang ditemu ramah. Menurut kepercayaan mereka apabila terdapat labah-labah yang membuat sarang, mereka percaya hari tersebut tidak akan turun hujan walaupun cuaca didapati mendung.

Mereka percaya sekiranya labah-labah sedang membina sarang, hari tersebut tidak akan hujan walaupun alam menunjukkan tanda-tanda hujan misalnya langit mendung, kilat atau guruh dan angin bertiup kencang. Labah-labah menjadi indikator alamiah yang memberikan petanda sama ada hari akan hujan atau tidak. Petua alamiah mereka termasuklah pemerhatian mereka terhadap aktiviti pembuatan sarang labah-labah yang menjadi petunjuk untuk bersedia menghadapi perubahan cuaca. Begitulah amalan petua alamiah yang telah sinonim dalam kehidupan masyarakat Jahai di Sungai Rual. Berdasarkan teori ekologi budaya, petua alamiah menerusi fauna ini membantu memberikan petunjuk kepada mereka supaya tidak menghadapi masalah dengan kadar cuaca apabila ingin melakukan



sesuatu pekerjaan atau ingin keluar ke hutan. Di bawah merupakan hasil temu ramah bersama informan masyarakat Jahai yang merupakan warga yang berpengalaman dalam masyarakat Jahai di sana.

“Kita percaya, kalau ada labah-labah buat sarang, hari tu tidak akan hujan. Biarlah ada kilat ke, guruh ke, atau langit mendung, tetapi hari tidak akan hujan. Itulah petua kita dulu-dulu, petua nenek moyang kita. Kita percaya sampai sekarang.”

(Informan 7, 2021)

Petua alamiah menerusi serangga labah-labah dalam meneliti keadaan cuaca dalam kalangan masyarakat Jahai di Sungai Rual masih menjadi pegangan mereka. Aspek ekologi yang wujud di persekitaran mereka membentuk budaya hidup mereka yang tersendiri. Unsur alam semula jadi fauna menjadi sumber dalam membentuk kebudayaan dan cara hidup masyarakat Jahai di Sungai Rual. Hal yang demikian juga membuktikan bahawa masyarakat peribumi sememangnya memiliki keakraban dengan alam sekitar. Penggunaan petua alamiah membuktikan masyarakat di sana beradaptasi dengan persekitaran alam semula jadi dan mengambil manfaat dari hubungan erat yang terbentuk. Bukan hanya sebagai sumber asas makanan, perubatan tradisional, ekonomi dan tempat tinggal, tetapi juga sebagai sumber amalan adat dan budaya hidup mereka. Sistem ekologi iaitu flora dan fauna dan seluruh alam semesta memainkan peranan dan memiliki keupayaan tersendiri dan teori ekologi budaya ini membantu memahami hubungan kompleks antara manusia, fauna dan alam semula jadi dalam membentuk kebudayaan.

Analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa fauna memainkan peranan yang penting dalam pembentukan petua alamiah masyarakat Orang Asli suku Jahai di Sungai Rual. Fauna bukan sahaja dilihat sebagai sumber makanan dan keperluan asas, malah berfungsi sebagai petunjuk alam, perantara pengetahuan serta rujukan dalam membuat keputusan berkaitan keselamatan, kesihatan dan pergerakan harian. Petua alamiah menerusi fauna terbina melalui pemerhatian berterusan terhadap tingkah laku haiwan yang kemudiannya ditafsir sebagai isyarat atau tanda tertentu berkaitan perubahan alam sekitar dan risiko yang bakal dihadapi manusia.

Dari perspektif teori ekologi budaya, hubungan antara masyarakat Jahai dan fauna mencerminkan satu bentuk adaptasi budaya terhadap persekitaran semula jadi. Teori ini menegaskan bahawa budaya berkembang sebagai tindak balas terhadap keperluan survival manusia dalam ekosistem tertentu, dan pengetahuan tentang fauna menjadi sebahagian daripada strategi adaptif tersebut (Berkes, 2018). Tingkah laku haiwan seperti burung, serangga dan mamalia kecil ditafsir sebagai indikator kepada perubahan cuaca, kehadiran bahaya atau kesesuaian sesuatu kawasan untuk didiami. Tafsiran ini bukan bersifat rawak, sebaliknya dibentuk melalui pengalaman kolektif yang diuji secara empirikal merentas generasi.

Petua alamiah menerusi fauna juga berfungsi sebagai mekanisme keselamatan dalam kehidupan seharian masyarakat Jahai. Contohnya, perubahan corak pergerakan atau bunyi haiwan tertentu ditafsir sebagai amaran awal terhadap kehadiran pemangsa, bencana alam atau ancaman lain di dalam hutan. Kepekaan terhadap tingkah laku fauna ini membolehkan masyarakat Jahai menyesuaikan aktiviti seperti berburu, berpindah tempat atau memasuki kawasan tertentu dengan lebih berhati-hati. Dari sudut analitikal, petua ini berperanan sebagai sistem amaran semula jadi yang mengurangkan risiko kecederaan dan kehilangan nyawa dalam persekitaran hutan yang mencabar.



Selain aspek keselamatan, fauna turut memainkan peranan simbolik dan normatif dalam pembentukan nilai budaya masyarakat Jahai. Sesetengah haiwan dianggap membawa makna tertentu yang berkait dengan pantang larang, adab dan etika berinteraksi dengan alam. Pantang larang terhadap pembunuhan atau gangguan haiwan tertentu bukan sahaja bertujuan mengelakkan musibah, tetapi juga berfungsi sebagai mekanisme kawalan sosial dan pemeliharaan biodiversiti. Pendekatan ini sejajar dengan konsep *Traditional Ecological Knowledge* (TEK) yang menekankan bahawa pengetahuan peribumi merangkumi aspek praktikal, simbolik dan etika secara serentak (Berkes, 2018).

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa petua alamiah berasaskan fauna mengalami proses penyesuaian selari dengan perubahan sosial dan keagamaan masyarakat Jahai. Elemen kepercayaan lama yang bersifat animisme semakin ditinggalkan atau ditafsir semula, manakala pemerhatian terhadap tingkah laku fauna sebagai petunjuk alam masih dikekalkan kerana sifatnya yang praktikal dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Penyesuaian ini mencerminkan dinamika budaya yang fleksibel, di mana inti pengetahuan tradisional dipertahankan walaupun kerangka kepercayaan berubah. Fenomena ini menyokong pandangan bahawa pengetahuan tradisional bukan bersifat statik, tetapi sentiasa mengalami transformasi mengikut konteks semasa (Ismail, 2025).

Dari sudut perbincangan ilmiah, petua alamiah menerusi fauna boleh ditafsir sebagai satu bentuk pengetahuan ekologi berasaskan pemerhatian saintifik tidak formal. Beberapa kajian kontemporari menunjukkan bahawa tingkah laku haiwan sememangnya boleh digunakan sebagai indikator awal terhadap perubahan ekosistem dan cuaca, selari dengan tafsiran masyarakat peribumi (Sulaiman et al., 2022). Oleh itu, petua alamiah masyarakat Jahai berpotensi menyumbang kepada wacana saintifik berkaitan pemantauan alam sekitar dan pengurusan risiko bencana secara berasaskan komuniti.

Secara keseluruhannya, petua alamiah menerusi fauna merupakan komponen penting dalam sistem pengetahuan tradisional masyarakat Jahai yang menyatukan aspek adaptasi ekologi, keselamatan, nilai budaya dan kelestarian alam. Dapatan kajian ini menegaskan bahawa pemerhatian terhadap fauna bukan sekadar amalan kepercayaan tradisional, tetapi satu bentuk pengetahuan tempatan yang bernilai dan relevan untuk difahami serta dimanfaatkan dalam konteks pemeliharaan alam dan pembangunan lestari pada masa kini.

## 5.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa petua alamiah yang menjadi amalan dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku Jahai di Sungai Rual bukan sekadar kepercayaan tradisional yang bersifat mitos atau ritual semata-mata, sebaliknya merupakan satu sistem pengetahuan tempatan yang berfungsi sebagai aturan hidup berasaskan hubungan erat antara manusia dan alam semula jadi. Melalui pemanfaatan unsur flora dan fauna, masyarakat Jahai di sana membentuk panduan dalam aspek perubatan, keselamatan, ramalan cuaca, perjalanan, kelangsungan hidup serta pembentukan nilai sosial yang diwarisi secara turun-temurun. Dapatan kajian ini mengukuhkan hujah bahawa alam semula jadi memainkan peranan penting sebagai sumber ilmu, guru dan rujukan budaya dalam kehidupan masyarakat peribumi.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa amalan petua alamiah masih dipertahankan dalam kalangan masyarakat Jahai di sana, walaupun berlaku penyesuaian selari dengan perubahan pegangan agama dan realiti kehidupan semasa. Penyesuaian petua alamiah mengikut lunas ajaran Islam membuktikan keanjalan budaya masyarakat Jahai dalam mengekalkan warisan tradisi tanpa menimbulkan



pertentangan dengan kepercayaan agama. Keadaan ini mencerminkan kemampuan masyarakat Jahai untuk mengadaptasi pengetahuan tradisional mereka dalam konteks perubahan sosial dan keagamaan, sekali gus memastikan kelestarian identiti budaya mereka.

Melihat dari sudut teori, dapatan ini selari dengan prinsip Teori Ekologi Budaya yang menekankan hubungan timbal balik antara manusia dan alam sekitar dalam pembentukan budaya dan cara hidup. Kebergantungan masyarakat Jahai terhadap flora dan fauna bukan sahaja memenuhi keperluan asas, malah membentuk sistem nilai, kepercayaan dan peraturan sosial tidak bertulis yang berfungsi sebagai mekanisme kawalan dan keseimbangan ekologi. Oleh itu, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana pengetahuan ekologi tradisional berperanan dalam mengekalkan kelestarian alam dan budaya secara serentak.

Secara praktikal, kajian ini mempunyai implikasi penting terhadap usaha pemeliharaan warisan budaya dan biodiversiti. Dapatan kajian boleh dimanfaatkan oleh pihak berwajib seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), institusi pendidikan dan badan berkepentingan dalam merangka program dokumentasi budaya, pendidikan berasaskan komuniti serta pemuliharaan alam sekitar yang lebih sensitif terhadap nilai tempatan. Selain itu, kajian ini berpotensi dijadikan rujukan dalam pembangunan modul pendidikan dan kesedaran awam berkaitan kepentingan pengetahuan tradisional masyarakat peribumi. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa petua alamiah masyarakat Jahai merupakan khazanah ilmu dan warisan budaya yang wajar dipelihara, dihargai dan diwariskan demi kelangsungan identiti masyarakat Orang Asli di Malaysia.

## Rujukan

- Abdullah, M. F., Othman, A., Jani, R., Bartholomew, C. V., & Pesiu, E. (2020). Traditional knowledge and the use of natural resources among resettled indigenous communities in Malaysia. *JATI: Journal of Southeast Asian Studies*, 25(1), 1–19. <https://doi.org/10.22452/jati.vol25no1.9>
- Abdullah, M., & Ramli, R. (2021). *Traditional Ecological Knowledge and The Role Of Taboos In Biodiversity Conservation Among Indigenous Peoples In Malaysia*. *Journal of Environmental Science and Policy*, 34(1), 45-58.
- Ahmad, B. E., Abdullah, M. F., Suratman, M. N., Latif, Z. A., Gandaseca, S., & Permana, C. E. (2025). Traditional ecological knowledge for sustainable livelihood among the indigenous communities in Malaysia and Indonesia. *JATI: Journal of Southeast Asian Studies*, 30(1), 1–21. <https://doi.org/10.22452/jati.vol30no1.6>
- Anuar, S. N., Mohd Salim, J., Nikong, D., Ab Manaf, N., Sanusi, N. A., Omar, K., & Tengku Mohamad, T. R. (2023). Traditional ecological knowledge of wild tubers used by the Orang Asli Bateq tribe on the east coast of Peninsular Malaysia. *Malaysian Applied Biology*, 52(5), 1–10. <https://doi.org/10.55230/mabjournal.v52i5.co6>
- Berkes, F. (2018). *Sacred ecology* (4th ed.). Routledge.



- Haliza, A. R. (2010). *Penyertaan dan penglibatan masyarakat mah meri dalam isu berkaitan persekitaran: satu tinjauan di Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor*. The Asian Journal of Humanities. (Hlm: 111-134).
- Haliza, A.R. (2018). *World view masyarakat orang asli dan pelestarian alam sekitar*. Prosiding Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah, Bahasa Dan Budaya Di Alam Melayu (ASBAM). Hlm: 375-389.
- Harun, S., Ismail, N., & Zain, M. (2022). *Flora and fauna knowledge in indigenous communities: medicinal plants and cultural beliefs among malaysian orang asli*. Ethnobiology Journal, 40(2), 103-115.
- Ismail, M. R. (2025). Traditional ecological knowledge for sustainable livelihoods among indigenous communities in Malaysia and Indonesia. *JATI: Journal of Southeast Asian Studies*, 30(1), 85–102. <https://doi.org/10.22452/jati.vol30no1.6>
- Kling, Z. (1997). *Social structure: the practices of malahy religiosity*.
- Nor, M. F., & Ahmad, R. (2023). *The role of customary taboos and natural wisdom in orang asli's sustainable practices*. Environmental Sustainability Journal, 12(3), 211 - 224.
- Omar, A. H. (2014). Pantang larang dalam kalangan orang melayu: analisis dari perspektif teori SPB4K pantang larang dalam kalangan orang melayu: analisis dari perspektif teori SPB4K. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 7(1), 76-97.
- Omar, A. H. (2008). *Kaedah Penyelidikan Bahasa Di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Seftyono, C. (2024). Pengetahuan ekologi tradisional masyarakat Orang Asli Jakun dalam menilai perkhidmatan ekosistem di Tasik Chini, Malaysia. *Jurnal Ilmu Sosial dan Ilmu Politik*, 28(1), 67–82. <https://doi.org/10.22146/jsp.10925>
- Sulaiman, S., Ramli, Z., & Abdullah, J. (2022). Local wisdom of indigenous communities in nature conservation: A systematic review. *Sustainability*, 14(6), Article 3415. <https://doi.org/10.3390/su14063415>
- Wee, S. T Et Al. (2013). *Pembangunan Sosioekonomi Komuniti Orang Asli di Malaysia*. Persidangan Geografi Dan Alam Sekitar Kali Ke-4. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Surat, M. (2011). Pengenalan penjenisan rumah tradisional orang asli di semenanjung malaysia. *In Proceedings Of 1 St International Symposium On Conducive Learning Environment For Smart School (CLES) 2011* (P. 99).
- Yin, T. 2000. *Kebudayaan Adat Resam Dan Pantang Larang Masyarakat Orang Asli*. Pahang: Pusat Kecemerlangan Pedagogi Peribumi, Institut Pendidikan Guru Tengku Ampuan Afzan.



Yusoff, N. & Rahman, M. A. A. (2003). *Puisi Klasik: Cerminan Pemikiran Alam Melayu Dalam Menghindar Bencana*. UPSI 13 (11) 2003: 216-38.

Zawawi, A. M. (2013). Traditions and Taboos of the Mah Meri Tribe of Tanjung Sepat, Banting, Selangor. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 6 (2), 155-169.

